



## SIARAN AKHBAR

### PENGUMUMAN SIRI BAHARU KELUARGA MATA WANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini mengumumkan rancangan mengenai pengeluaran Siri Baharu Keluarga Mata Wang Negara Brunei Darussalam bagi denominasi-denominasi BND1, BND5, BND10, BND100, dan BND500 yang menandakan pencapaian signifikan dalam evolusi perkembangan mata wang negara. Siri tersebut dijadualkan untuk diedarkan pada separuh tahun pertama 2026.
2. Siri baharu ini menampilkan ciri-ciri keselamatan yang dinaiktaraf, selaras dengan kemajuan global dalam industri mata wang. Peningkatan ini antaralainnya bertujuan untuk melindungi sekuriti dan integriti mata wang Negara Brunei Darussalam, di samping memperkuatkan perlindungan terhadap risiko pemalsuan wang. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan BDCB untuk memastikan keselamatan mata wang negara, lebih-lebih lagi wang tunai masih memainkan peranan yang besar dan digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian, meskipun Negara Brunei Darussalam giat bergerak ke arah ekonomi digital.
3. Siri ini akan mudah dikenali dan digunakan oleh orang ramai kerana ia mengekalkan identiti dan warisan kebangsaan yang kukuh. Khususnya, siri baharu ini memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada mata wang BND1, BND5, BND10, dan BND100, dan potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada mata wang BND500. Tambahan pula, ikonografi yang sama digunakan pada muka hadapan dan belakang mata wang tersebut.
4. Di samping itu, siri ini mengesahkan unit rasmi mata wang Negara Brunei Darussalam mengikut **Perintah Mata Wang, 2004**, iaitu '**dolar**'. Istilah '**Ringgit**' telah digantikan dengan '**Dolar Brunei**' pada semua denominasi. Perubahan ini bertujuan untuk memperkuatkan serta menggalakkan penggunaan istilah tersebut secara meluas.
5. Dalam usaha berterusan untuk mempromosikan keterangkuman dan memastikan akses pembayaran adalah kekal mudah bagi semua lapisan masyarakat, BDCB memperkenalkan ciri DOMINO™ untuk membantu orang kelainan upaya penglihatan menggunakan mata wang ini. Ciri ini menampilkan titik yang timbul pada sudut bawah sebelah kanan setiap mata wang, dengan susunan yang unik bagi setiap denominasi.
6. BDCB seterusnya ingin memaklumkan bahawa semua mata wang yang sedia ada dalam edaran masih sah diperlakukan dan boleh terus digunakan bersama-sama siri mata wang baharu ini.

7. Untuk maklumat lanjut mengenai Siri Baharu Keluarga Mata Wang serta ciri-ciri keselamatannya, sila layari laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn) atau ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Tarikh: 29 Rabiulawal 1447H/ 22 September 2025